

03/09/2003

Mbeki mahu Malaysia terus bersuara

PUTRAJAYA: Afrika Selatan mahu Malaysia memainkan peranan utama dalam menyuarakan pandangan negara membangun pada mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) akan datang di Cancun, Mexico.

Malah, Afrika Selatan melihat Malaysia sebagai model pembangunannya, mahu mengadakan lebih banyak perbincangan dengan negara ini supaya dapat menyumbang sesuatu yang lebih baik dalam mesyuarat WTO nanti.

Perkara itu dinyatakan Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuan empat mata di Pejabat Perdana Menteri, di sini semalam.

Kedua-dua pemimpin bersetuju apa juga keputusan yang dibuat oleh WTO nanti, tidak akan menjejaskan kepentingan negara membangun dan Selatan.

Mereka sependapat bahawa hubungan kerjasama antara negara Selatan mestilah membawa manfaat terutama dalam keputusan untuk menetapkan sistem perdagangan baru.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, memberitahu pemberita selepas pertemuan itu, salah satu aspek yang dikenal pasti untuk disuarakan ialah soal tenaga manusia.

"Kedua-dua pemimpin bersetuju soal itu tidak patut dihubungkan dengan soal perdagangan atau ekonomi," katanya.

Pada mesyuarat delegasi, Malaysia dan Afrika Selatan turut menandatangani perjanjian mengenai Kerjasama Ekonomi, Sainifik, Teknikal dan Kebudayaan serta satu Memorandum Persefahaman (MoU) dalam membentuk Suruhanjaya Bersama bagi kerjasama itu

Mbeki tiba di sini kelmarin bagi lawatan rasminya ke negara ini, lawatan kedua pemimpin Afrika Selatan selepas Nelson Mandela.

Beliau dijadualkan berucap di Forum Antarabangsa ISIS dan menyampaikan ucap pada majlis makan tengah hari yang dianjurkan bersama Majlis Perniagaan Malaysia-Afrika Selatan dan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli), hari ini.

Dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir, Mbeki turut menyatakan bahawa Afrika Selatan banyak mempelajari pengalaman negara ini dari segi pembangunan ekonomi dan penyusunan semula masyarakatnya.

"Mereka kata mereka banyak belajar seperti memberi peluang kepada kaum Bumiputera dalam pengagihan peluang ekonomi di Afrika Selatan," kata Syed Hamid.

Afrika Selatan menganggap Malaysia sebagai model terbaik dalam menjamin kestabilan politik dan pembangunan ekonomi. Justeru, kedua-dua pemimpin juga bersetuju untuk mengadakan penerbangan yang lebih kerap antara kedua-dua negara.

Beliau berkata, Afrika Selatan dan Malaysia juga melihat kemungkinan untuk mengadakan kerjasama dalam bidang komunikasi satelit.

Ditanya sama ada kedua-dua pemimpin berbincang mengenai pembelian peralatan pertahanan, beliau berkata Malaysia sudah pun mendapat bekalan dari Afrika Selatan dan berpuas hati dengan kerjasama yang sudah terjalin dalam bidang pertahanan dan teknologi.